



peneraju pakej pelancongan muslim terbaik

10 hari 7 malam
bermula dari
RM6999



UNITED KINGDOM

LONDON - CAMBRIDGE - YORK - SCOTLAND - LIVERPOOL - TELFORD - KENT

| DESA PANDAN: +603-92017557 |

PAKEJ EROPAH 5 NEGARA 10 HARI 7 MALAM
London | France | Amsterdam | Belgium | Switzerland

HARI 1

* Makanan di dalam pesawat disediakan.

MALAYSIA (Transit bergantung kepada jenis penerbangan)

Bertolak dari KLIA ke lapangan terbang Heatrow.




Cambridge City

HARI 2

* Sarapan pagi dan makan malam disediakan

CAMBRIDGE & YORK

Meneruskan perjalanan ke Bandar Cambridge. Bandar ini dikenali dan dihormati di seluruh dunia sejak lebih 800 tahun kerana mempunyai salah satu universiti terkemuka dunia iaitu Universiti Cambridge. Anda akan rasa kagum dengan keindahan seni bina dan bangunan kolej yang megah. Pasar terbuka di Cambridge yang berwarna warni dan bersejarah pula terletak ditengah-tengah bandar dan menawarkan pelbagai jenis produk dan barangan menarik. Kemudian, kita akan menuju ke York untuk daftar masuk hotel.



Cathedral Gothic

HARI 3

* Sarapan pagi dan makan malam disediakan

YORK & EDINBURGH

Kita akan melawat sekitar York. York merupakan bandar bertembok di Timur Laut England yang diasaskan oleh Rom kuno hampir 2000 tahun yang lalu. Sepanjang lawatan ini, kita akan menjumpai pelbagai tarikan yang tersembunyi. Pada sebelah petang, kita akan bertolak ke Hotel di Edinburgh.



York City

HARI 4

* Sarapan pagi dan makan malam disediakan

EDINBURGH

Kita akan menerokai Edinburgh. Edinburgh adalah antara bandar yang paling indah di dunia. Anda pasti akan menikmati sejarah, warisan dan budaya di bandaraya itu. Kita akan meluangkan masa di "Old City" Edinburgh, yang merupakan rumah kepada Istana Edinburgh. Ia adalah kubu yang 'menguasai' langit dan telah diasaskan pada abad ke-12. Ia adalah tarikan Scotland yang paling popular. Berjalan kaki diatas jalan-jalan berbatu di Jalan Diraja dari Istana Edinburgh dan anda berpeluang menikmati keindahan dan sejarah Edinburgh. Pada waktu petang kita akan membeli-belah di Princes Street yang terkenal di Edinburgh. Hotel di Edinburgh.



Edinburgh Old Town



Edinburgh Castle

HARI 5

* Sarapan pagi dan makan malam disediakan

LAKE DISTRICT & LIVERPOOL

Selepas bersarapan, kita akan meneruskan perjalanan ke 'The Lake District'. Lake District terletak di kawasan pergunungan di Barat Laut England. Ia merupakan salah satu destinasi percutian yang terkenal disana. Ia turut dikenali sebagai Taman Negara terbesar di UK kerana terkenal dengan keindahan alam seperti tasik, hutan dan gunung-ganang. Anda boleh menikmati pemandangan yang indah dan kawasan perkampungan kecil yang telah mengilhamkan penulis-penulis Wordsworth dan Wainwright. Kemudian, kita akan ke Liverpool untuk bermalam.



Royal Mile

HARI 6

* Sarapan pagi dan makan malam disediakan

LIVERPOOL

Selesai bersarapan, kita akan menuju ke Pengkalan Diraja Albert. Pengkalan ini adalah terdiri dari kompleks bangunan dan gudang yang terletak di tepi laut Tapak Warisan Dunia yang menakjubkan di Liverpool. Kawasan ini paling strategik pada ketika itu dan 40% daripada perdagangan dunia melalui Liverpool pada abad ke-19. Struktur pengkalan Albert telah dibina pada tahun 1846 dan menampilkan bangunan Gred I terbesar di seluruh negara.

Kemudian, kita akan membeli-belah di Outlet Designer Cheshire Oaks. Disini anda dapat merasai harga yang murah untuk jenama yang terkenal. Cheshire Oaks adalah gudang yang terbesar di UK yang mempunyai sebanyak 145 butik. Kemudian, kita akan meneruskan perjalanan ke Town of Telford untuk bermalam.



HARI 7

* Sarapan pagi dan makan malam disediakan

TELFORD

Selepas bersarapan, kita akan melawat ke Warisan Dunia yang terkenal iaitu **'The Iron Bridge'**. Jambatan ini adalah jambatan pertama di dunia yang dibina daripada besi tuang pada tahun 1779. Baru-baru ini, jambatan itu telah diperbaiki dan keindahannya lebih cantik daripada sebelum ini. Kemudian, kita akan melawat Muzium Victoria. Muzium ini berjaya mencipta nama bagi sebuah bandar Victoria Shropshire pada akhir abad ke-19. Pada sebelah petang, kita akan melawat bandar bersejarah di Wellington yang asalnya telah diasaskan pada tahun 1244. Terdapat kedai yang berhampiran di sekitar untuk membeli-belah. Hotel kita berada di Telford.



HARI 8

* Sarapan pagi dan makan malam disediakan

MEMETIK EPAL & WINDSOR (tertakhluk kepada musim)

Selepas bersarapan, kita akan menuju ke kebun epal di Kent untuk merasai buah-buahan yang segar. Sekiranya bukan musim memetik buah epal (Musim ialah September-Oktober), kita akan menukar destinasi pada hari itu. Kita akan melawat bandar bersejarah Canterbury, Tapak Warisan Dunia UNESCO. Canterbury telah diambil oleh penjajah beberapa kali sejak perjanjian pertama. Sejarah ini terbukti ketika menjelajah kota. Sekiranya berkelapangan, kita akan melawat Windsor, sebuah bandar yang merupakan rumah kepada Istana Windsor iaitu sebuah kediaman Keluarga Diraja British. Istana tersebut adalah kediaman hujung minggu Ratu semenjak hampir 1000 tahun yang lalu. Istana tersebut adalah yang paling lama dan tertua yang pernah diduduki di dunia. Daya tarikan ini semestinya menjadi suatu kewajipan bagi penggemar royalti, seni dan sejarah. Terdapat banyak kedai cenderahati dan anda juga berpeluang bergambar. Hotel kita di London.



HARI 9

* Sarapan pagi disediakan

LONDON

Selesai bersarapan, kita akan mengadakan lawatan ke London untuk melihat pemandangan terkenal dan menghayati panoramanya. Lawatan itu menekankan pemandangan utama London. Kemudian bergerak terus ke Lapangan Terbang Heathrow London.

HARI 10

* Makanan di dalam pesawat disediakan.

LONDON AIRPORT (Transit bergantung kepada jenis penerbangan)

Tiba di KLIA.

4 Oct – 13 Oct 2019 (Musim Luruh) RM6999	25 Oct – 3 Nov 2019 (Musim Luruh) RM6999	8 Nov – 17 Nov 2019 (Musim Luruh) RM6999	6 Dec – 15 Dec 2019 (Musim Sejuk) RM7299
7 Aug – 16 Aug 2020 (Musim Panas) RM6999	20 Aug – 29 Aug 2020 (Musim Panas) RM6999	4 Sep – 13 Sep 2020 (Musim Panas) RM6999	10 Sep – 19 Sep 2020 (Musim Panas) RM6999
8 Oct – 17 Oct 2020 (Musim Luruh) RM6999	23 Oct – 1 Nov 2020 (Musim Luruh) RM6999		

- * Harga tidak termasuk tipping **RM 285** seorang.
- * Harga bagi kanak – kanak berkatil (3 - 11 tahun) tolak **RM 100** dari harga dewasa.
- * **HARGA BAYI** (2 tahun dan kebawah) **RM 980** (Caj tipping tidak dikenakan).
- * **BILIK SEORANG (SINGLE ROOM) + RM1500** (Sepanjang Trip).

BAYARAN MASUK TEMPAT LAWATAN (PILIHAN)

Scotland Edinburgh Castle



Harga Dewasa : £ 18.50
Kanak-kanak : £ 18.50 (4-11 Thn)

United Kingdom Windsor Castle



Harga Dewasa : £ 22.50
Kanak-kanak : £ 22.50 (4-11 Thn)

Kent Apple Picking



Harga Dewasa : £ 8.00
Kanak-kanak : £ 8.00 (4-11 Thn)

Kent Tractor Tour



Harga Dewasa : £ 7.50
Kanak-kanak : £ 7.50 (4-15 Thn)

London Victorian Town



Harga Dewasa : £ 19.00
Kanak-kanak : £ 19.00 (4-11 Thn)

* Sekiranya anda tidak menyertai '**optional tour**' ini, anda berpeluang untuk melihat dan bergambar di kawasan sekitar.

MAKLUMAT PAKEJ

Pakej Termasuk

- + Tiket Penerbangan.
(Transit - Bergantung Pada Jenis Penerbangan).
- + Bagasi. (23kg - 35kg).
Bergantung Pada Jenis Penerbangan).
- + Makanan Dalam Pesawat.
- + 5 Foodpack travel kembarasufi seorang.
- + Half Board: Sarapan Pagi & Makan Malam.
- + Air Mineral / Hari / Pax.
- + Dibimbing Oleh Pemandu Pelancong (English)
Dari Awal Hingga Akhir Program.
- + Pengangkutan Sepanjang Perjalanan.
- + Penginapan Hotel (3 bintang).

Pakej Tidak Termasuk

- + Tipping RM285 Setiap Orang Sepanjang
Perjalanan.
- + Insurans Perjalanan (Pilihan).
RM90 Seorang Sekiranya Ambil Dengan Kami.
- + Makan Tengahari.
- + Bayaran Masuk Tempat Lawatan Yang Dinyatakan.
- + Semua Yang Tidak Dinyatakan.

MAKLUMAT PEMBAYARAN DAN TEMPAHAN

Sekiranya pihak tuan / puan berminat dengan pakej yang kami sediakan, boleh membuat tempahan dengan membayar deposit ke akaun kami, atau boleh terus ke pejabat kami.

Mohon berikan butiran dibawah : (**Min Tempahan 2 Pax**)

- 1) NAMA PENUH :
- 2) SALINAN MUKA DEPAN PASSPORT :
- 3) NO TEL. & EMAIL :

Pejabat Kembara Murni Travel yang boleh dihubungi :

- Desa Pandan, Kuala Lumpur.
03-92017557
56-2, Jalan 1/76D, Desa Pandan, 55100, W.P Kuala Lumpur

Slip pembayaran perlu dihantar ke email / whatsapp selepas selesai bayaran dibuat.

KEMBARA MURNI TRAVEL AND TOURS SDN. BHD

CIMB ISLAMIC

8600-0863-21

Perhatian :

- Sekiranya membuat pembayaran secara online, anda wajib menyerahkan resit bukti pembayaran kepada pihak kami melalui email atau wasap dan resit tersebut harus di tulis di atasnya dengan nama, tarikh trip dan no ic anda.
- Peserta yang menggunakan passport selain daripada passport malaysia, perlu memeriksa di Jabatan Imigresen atau kedutaan dinegara masing-masing untuk memastikan visa diperlukan ataupun tidak.

CARA MEMBUAT TEMPAHAN

1. Pembayaran di buat mengikut 3 peringkat. Deposit, 2nd payment dan full payment.
2. Peserta perlu menghubungi pihak kami terlebih dahulu sebelum membuat tempahan untuk mengetahui kekosongan seat.
3. Deposit diperlukan untuk membuat tempahan. Tempahan tanpa membuat bayaran tidak akan dilayan.
4. Butiran peserta perlu dihantar segera kepada pihak kami setelah tempahan telah dibuat.
5. Deposit bagi pakej melebihi RM5000 keatas adalah RM1000 dan 2nd payment RM2000 perlu dibuat setelah 2 bulan dari pembayaran deposit.
6. Bagi pakej bawah RM5000 deposit adalah RM1000 dan 2nd payment RM1000 setelah 2 bulan dari pembayaran deposit.
7. Pakej yang bergantung pada harga tiket penerbangan semasa, deposit adalah bergantung pada harga tiket penerbangan semasa.
8. Bayaran penuh perlu dibuat 45 hari sebelum trip berlepas. Jika peserta gagal menjelaskan bayaran pada waktu yang ditetapkan tanpa sebarang notis, pihak kami berhak untuk membatalkan perjalanan & caj penalti akan dikenakan.
9. Peserta hendaklah menjelaskan deposit tempahan pada waktu dan jumlah yang telah ditetapkan, jika terlewat harga pakej yang ditawarkan mungkin akan berubah berdasarkan harga tiket penerbangan semasa.
10. Bukti resit pembayaran haruslah ditulis nama, no ic, & tarikh trip diatasnya sebelum diserahkan kepada pihak kami.
11. Sekiranya anda membuat tempahan dan membayar deposit, ia menandakan bahawa anda telah bersetuju dengan semua terma dan syarat syarikat kami.

TERMA & SYARAT

1. Caj Tambahan :

- 1.1) Tipping adalah bayaran untuk Guide dan Driver.
- 1.2) Insuran perjalanan tidak termasuk dalam pakej lawatan. Peserta digalakkan mengambil insuran perjalanan dengan mana-mana ejen insuran. Pihak kami juga boleh menguruskan insuran. (Harga mengikut jenis pakej dan destinasi yang diambil).
- 1.3) Tiket bayaran masuk tempat lawatan tidak termasuk didalam pakej, kecuali yang telah dinyatakan. (Bayaran masuk adalah pilihan peserta).

2. Pengangkutan :

- 2.1) Pergerakan peserta dari satu destinasi ke satu destinasi adalah dengan menaiki bas, mini bas, van dan lain-lain bergantung pada trip.
- 2.2) Jenis Airlines bergantung pada keadaan semasa yang bersesuaian dengan harga pakej. Sebarang perubahan pihak kami akan maklumkan kemudian. (Mahan Air, Oman Air, Air Asia, Saudi Air, Qatar Airways, Malaysia Airlines dll).

3. Penukaran Pakej :

- 3.1) Penukaran pakej hanya sekali sahaja dibenarkan. Penukaran berikutnya akan dikenakan caj sebanyak RM300 seorang. (tidak kurang 60 hari dari tarikh trip).
- 3.2) Jika tiket penerbangan telah dibeli, kos nilai tiket perlu ditanggung oleh peserta 100%.

4. Pembatalan :

- 4.1) Sebarang pembatalan atau petukaran pakej hendaklah secara bertulis sahaja.
- 4.2) Kadar caj pembatalan:

PEMBATALAN DITERIMA

- 100 hari sebelum trip dan keatas : **RM500 seorang.**
- 90 hari sebelum trip dan keatas : **30% seorang dari harga pakej.**
- 60 hari sebelum trip dan keatas : **50% seorang dari harga pakej.**
- 45 hari sebelum trip dan keatas : **100% seorang dari harga pakej.**

- 4.3) Jika pihak kami sendiri yang membuat pembatalan trip atas sebab-sebab tertentu (keselamatan / darurat setelah disahkan oleh kedutaan negara yang dilawati) atau syarikat penerbangan menangguh waktu perjalanan, kami akan berikan 2 pilihan (setelah berbincang dengan syarikat penerbangan) iaitu samada tarikh lawatan ditunda atau menukar tempat lawatan **dengan menggunakan penerbangan yang sama**. Jika peserta tidak mahu mengikut pilihan yang kami berikan, bayaran tidak dapat dipulangkan.

5. Kesihatan :

- 5.1) Peserta perlu memaklumkan kepada pihak kami terlebih dahulu sekiranya mempunyai masalah kesihatan.
- 5.2) Peserta yang mempunyai masalah kesihatan seperti jantung / asma / kronik / mengandung dll diminta untuk mendapatkan surat pengesahan dari doktor untuk mengesahkan bahawa peserta dibenarkan untuk menaiki kapal terbang dan membawa ubat-ubatan yang sesuai dan mencukupi.
- 5.3) Peserta yang menggunakan kerusi roda / tongkat mohon maklumkan awal kepada pihak kami yang bertugas untuk memudahkan urusan disana nanti.

6. Jadual Perjalanan :

- 6.1) Jadual perjalanan yang dilampirkan adalah **"general/standard"** jadual sahaja. Jika terdapat sebarang perubahan dari segi masa dan sebagainya, pihak kami akan maklumkan kemudian.
- 6.2) Pihak kami berhak untuk menjadualkan semula atau tukar tempat lawatan atau langkau tempat lawatan bergantung kepada keadaan semasa, samada dari segi cuaca, kesesakan lalu lintas, perkara-perkara yang berlaku diluar jangkaan dan sebarang perayaan semasa lawatan. Kelewatan para peserta juga boleh mengakibatkan perubahan jadual perjalanan. Peserta harus menepati segala peraturan yang telah ditetapkan di tempat lawatan.

7. Persiapan Akhir :

- 7.1) Setiap peserta yang akan mengikuti trip kami perlu memastikan tidak mempunyai sebarang blacklist / sekatan dari segi income tax, loan dll, untuk memastikan semua peserta tidak ketinggalan penerbangan.
- 7.2) Sila pastikan tempoh sah laku (validity / expired date) lebih dari 6 bulan dari tarikh perjalanan peserta.
- 7.3) Bagi pemegang selain dari passport Malaysia, anda perlu rujuk di Jabatan Imigresen atau kedutaan di negara masing-masing untuk memastikan visa diperlukan ataupun tidak.
- 7.4) Pihak kami tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang masalah semasa di Airport pada kemudian hari akibat daripada perkara diatas.

8. Tuntutan :

- 8.1) Urusan claim vat / tax untuk perbelanjaan sendiri dimana-mana pakej travel adalah urusan sendiri. Segala urusan dan kerugian pihak kami tidak bertanggungjawab.
- 8.2) Sebarang tuntutan kerosakan perlu disertakan dengan laporan dari pihak polis atau airport.

9. Penginapan :

- 9.1) Minima tempahan adalah 2 orang dewasa (1 bilik). Jika ada yang membuat tempahan seorang (single) dan dalam tempoh 45 hari sebelum trip masih tiada partner / pasangan bilik, pihak kami berhak untuk mengenakan caj tambahan RM 1500 seorang bagi bilik single. Sekiranya peserta enggan untuk membayar caj tambahan, pihak kami berhak untuk membatalkan tempahan peserta tersebut tanpa permulangan bayaran.
- 9.2) Bilik hotel yang disediakan hanya bilik Twin dan Double bed sahaja. Extra bed bagi peserta ketiga sekiranya peserta membuat tempahan bilik Triple.